

PAKAIAN ISTIADAT PERTABALAN
RASMI NEGERI PERAK DAN KEDAH
SECARA PERBANDINGAN.

Oleh:

Halimatun Baayah bt Hamzah

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka,
Institusi Teknologi MARA, sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

1. Diperiksa olehTarikh

2. Diperiksa oleh :Tarikh

3. Diperiksa oleh :Tarikh

Diluluskan oleh :Tarikh

Ketua Kajian,

Kajian Senilukis Dan Senireka,

Institusi Teknologi MARA 40450,

Shah Alam,

Selangor DarulEhsan.

P E N G H A R G A A N

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Syukur Alhamdullillah, kehadiran Allah s.w.t di atas kurnia dan keredhaanNya dalam memberikan tenaga kekuatan, kesabaran dan petunjuk di sepanjang pengajian dan semasa menyempurnakan tesis ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penasihat saya, Cik Kalsom bt Muda di atas segala bimbingan, tunjuk

K A N D U N G A N

	halaman
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBARAJAH	xii
BAB I PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Kenyataan Permasalahan Kajian	4
Tinjauan Semula Kajian Lepas	7
Skop Kajian	9
Tujuan Kajian	10
Pendekatan Kajian	12
Kaedah Penyelidikan	13
Masaalah Kajian	16
BAB II LATARBELAKANG	
Sejarah Negeri Perak DarulRidzuan	
Kedudukannya Dari Segi Geografi	13
- Kedudukannya Dari Segi Sejarah	20
Sejarah Ringkas Negeri Kedah DarulAman	24
- Kedudukannya Dari Segi Geografi	24

PENDAHULUAN

Pengenalan

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kebanyakan adat resam orang Melayu adalah tiruan dari adat resam agama Buddha dan Hindu. Agama-agama ini adalah agama yang terawal mempengaruhi penduduk Gugusan Kepulauan Melayu suatu ketika dahulu. Adat-adat ini masih lagi diamalkan oleh sebahagian masyarakat Melayu masakini walaupun penyerapan nilai-nilai Islam sejak kebelakangan ini telah banyak menghilangkan sebahagian kecil ciri-cirinya.

Kita juga telah sedia memaklumi bahawa orang-orang Melayu terkenal dengan budi-bahasa dan adab-sopan yang terpuji. Bahasa yang halus dan khas digunakan untuk menunjukkan rasa hormat dan tertib, bukan sahaja kepada bangsa Melayu tetapi yang bukan Melayu jua. Walau bagaimanapun, dengan adanya desakan pengaruh Barat, adat kita (yang merangkumi semua aspek seperti cara-cara berpakaian, tatatertib kesusilaan, tuturkata, bahasa dan sebagainya) telah terancam dan kita wajib memperbaikinya agar jangan melarat.

Peredaran masa juga telah menyebabkan adat resam kita mengalami berbagai corak perubahan. Ada yang menerimanya dengan cepat, ada yang menerimanya dengan lambat, ada yang dengan banyak dan ada yang sedikit sahaja. Walau dengan berbagai corak perubahan sekalipun, dapat diperhatikan hanya kalangan keluarga di-raja sahaja yang masih setia mengikuti adat istiadat lama. Bukanlah kerana mereka ini tidak mahu menerima pembaharuan tetapi demi untuk mengekalkan ciri tradisi yang dibanggakan.

Orang-orang Melayu mempunyai aturan adat yang berbeza-beza di antara satu dengan yang lain. Tidaklah boleh